

HANTAR ANAK KE PUSAT ASUHAN BERDAFTAR

KES dera dan rogol oleh ahli keluarga pengasuh terhadap anak jagaan semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. Perkara ini benar-benar membimbangkan golongan ibu bapa khususnya yang bekerja, mereka terpaksa mencari pengasuh untuk menjaga anak-anak.

Justeru itu, ibu bapa tidak boleh memandang enteng dalam isu mencari pengasuh atau penjaga untuk anak-anak.

Mereka mempunyai alternatif untuk mencari rumah pengasuh/taska-taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dan diiktiraf bagi mengelak kejadian sedemikian menimpa anak-anak.

Menurut Rafidah Sadarudin dari Bahagian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM), ia lebih berstruktur dan taska yang ada memang khas bagi anak-anak untuk berada di situ.

"Kita juga maklum terdapat organisasi yang menyediakan tempat jagaan untuk anak-anak ketika ibu bapa sedang bekerja.

"Kita tahu bahawa dalam taska yang berdaftar ada pengurus yang bertanggungjawab untuk kegiatan dan aktiviti taska mereka. Pengasuh yang ada juga akan dipantau oleh pengurus taska tersebut," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, ibu bapa juga harus melihat keadaan anak-anak terutamanya dari segi perlakuan, adakah ia selaras dengan usia anak mereka?

"Teliti badan anak-anak setiap kali mengambil mereka dari pusat asuhan atau pengasuh. Jika terdapat sebarang kecederaan atau perkara tidak kena pada anak-anak, ibu bapa perlu segera ke taska untuk mendapatkan maklum balas berkenaan perkara tersebut.

"Perkara paling penting adalah ibu bapa kena cari pengasuh yang mempunyai



RAFIDAH

pengalaman dan rekod yang baik. Jika ibu bapa mempunyai masa dan ruang, mereka sesekali disarankan singgah ke rumah pengasuh untuk memeriksa keadaan anak," katanya.

Beliau berkata, ziarah mengejut ini juga akan memberi kesedaran kepada pengasuh bahawa wujudnya keprihatinan ibu bapa terhadap anak-anak selama di bawah jagaan pengasuh tersebut.

"Kalau boleh sambil ziarah bawalah makanan atau buah tangan untuk pengasuh juga. Elakkan mencari pengasuh melalui iklan secara atas talian," katanya.

Dari sudut pengasuh pula, Rafidah berkata, mereka harus tahu berkenaan fungsi dan peranan keberadaan mereka di situ.

"Mereka mempunyai amanah besar yang ibu bapa harapkan dan tinggalkan untuk mereka jaga sepenuh hati.

"Personaliti pengasuh juga memainkan peranan yang penting seperti sukaan budak, mempunyai rasa belas dan kasih sayang yang tinggi sesama manusia. Insya-Allah jika kita sentiasa menjaga amanah ALLAH, ALLAH juga akan jagakan keluarga untuk kita pula," katanya.

Menurutnya, aspek kerohanian yang tinggi juga memainkan peranan untuk pengasuh menjalankan amanah yang diberi.

"Jika pengasuh jumpa kesan lebam pada anak-anak yang dijaga, saya sarankan ambil gambar dan hantar kepada ibu bapa. Maklumkan kejadian itu bukan dari rumah asuhan.

"Gunakan teknologi yang ada sekarang untuk manfaat bersama. Jika pengasuh tidak mampu menjaga anak asuhan yang ramai, beri cadangan kepada ibu bapa untuk hantar anak ke taska," katanya.